

12/05/1999

Jerebu: Kenderaan dilarang ke bandar

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kenderaan persendirian akan dihalang daripada memasuki pusat bandar jika Indeks Pencemaran Udara (IPU) melepasi tahap sangat tidak sihat atau berbahaya.

Sehubungan itu, kerajaan akan menyediakan pengangkutan awam percuma kepada mereka yang bekerja di kawasan terbabit pada waktu berkenaan.

Kementerian Pembangunan Usahawan sedang berbincang dengan syarikat pengangkutan awam seperti pengusaha bas dan Transit Rel Ringan (LRT) mengenai perkara itu sebagai persediaan jika berlaku jerebu kali ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata langkah itu adalah sebahagian pelan kecemasan yang sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan (JJK).

"Dalam mesyuarat jawatankuasa itu pada 2 Februari lalu, saya meminta Kementerian Pembangunan Usahawan mengkaji kemungkinan menyediakan pengangkutan awam percuma kepada rakyat.

"Wakil kementerian itu, dalam mesyuarat JJK hari ini, menyatakan persetujuan mereka dan akan berbincang dengan syarikat bas dan LRT.

"Kaedah bagaimana untuk menghalang kenderaan persendirian memasuki pusat bandar sedang diteliti oleh Kementerian Pengangkutan," katanya ketika ditemui di pejabatnya selepas mesyuarat itu, hari ini.

Mesyuarat selama dua jam itu turut meluluskan pindaan baru Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK) yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Anggota jawatankuasa itu merangkumi wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Pembangunan Usahawan, Pendidikan, Perusahaan Utama, Kesihatan, Pengangkutan, Penerangan; dan Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Turut menganggotainya ialah wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Bomba dan Penyelamat; Penerbangan Awam, Institut Penyelidikan Perubatan, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Universiti Putra Malaysia.

Law berkata, PTJK yang dirangka pada 1997, sudah dipinda secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pelbagai agensi serta industri.

Salah satu perubahan besar dalam pindaan itu membabitkan penutupan industri mencemarkan udara.

Jika dulu semua kilang diarah tutup apabila keadaan berjerebu mencapai tahap tertentu, pelan baru ini akan menyenaraikan secara terperinci jenis kilang yang akan ditutup.

Law juga berkata, semua pejabat JAS negeri diarah mengenal pasti kawasan bakau dan paya yang mudah terbakar, serta menyediakan pelan khas bagi menangani kebakaran yang mungkin berlaku di kawasan terbabit.

Sementara itu, program membangunkan alat penapis udara prototaip yang dikenali ZAP-1, berjaya menghapuskan zarah hidrokarbon diesel sebanyak 100 peratus selain mengurangkan zarah terampai PM10 sebanyak 60 peratus.

Sehubungan itu, kerajaan mengarahkan supaya pembangunan prototaip kedua dikenali ZAP-2 dilaksanakan segera untuk membolehkannya diperkenalkan di seluruh negara.

Law berkata, ZAP-1 yang dicipta syarikat tempatan, Malaysian Electric Corporation (MEC) dengan kerjasama Jabatan Kimia, terbukti berkesan.

"Apabila program pembangunan alat itu selesai, kerajaan merancang

memperkenalkannya di kawasan awam seperti stesen bas dan teksi," katanya selepas melawat prototaip ZAP-1 di Hentian Puduraya di sini hari ini.

ZAP-1 atau Zone Air Purifier ialah alat penapis udara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, ketika kejadian berjerebu 1997, dan ditempatkan di kawasan hentian sejak September lalu.

(END)